

**'TIDAK BANYAK MASA LAGI UNTUK
PERTANDINGAN DALAM PARTI'**

UMNO perlu menang besar - Mahathir

U.M. 28 AUG 1989

Oleh
Kamal Zailani

KUALA LUMPUR 27 Ogos —
Datuk Sri Dr. Mahathir Mo-
hamad menegaskan, UMNO
bukan sekadar perlu menang
tetapi perlu menang besar da-
lam pilihanraya akan datang
untuk terus memperjuangkan
masa depan orang Melayu.

Perdana Menteri berkata, anggota-anggota parti sudah tidak mempunyai banyak masa lagi untuk memikirkan soal pertandingan dalam parti kerana pilihanraya umum akan diadakan dalam masa tidak sampai dua tahun.

"Apa yang perlu diakukan ialah mengukuhkan barisan bagi menentukan kemenangan dalam pilihanraya itu nanti," ujar beliau.

Berucap merasmikan serentak persidangan perwakilan tujuh bahagian UMNO Wilayah Persekutuan di sini hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, UMNO perlu menentukan jentera parti disusun dengan baik bagi menghadapi pilihanraya umum.

Ini penting kerana matlamat parti adalah untuk terus memperjuangkan masa depan orang Melayu dalam negara berbilang

LIHAT MUKA 2

UMNO PERLU MENANG BESAR

Kaum tanpa menjejaskan kestabilan negara, katanya.

Beliau mengingatkan, hasrat LJMNO untuk mencapai kejayaan besar dalam pilihanraya umum nanti boleh terhalang jika berlaku perpecahan di peringkat cawangan dan bahagian akibat proses pemilihan pemimpin.

"Saya tidak nampak kebaikan menukar pemimpin dalam masa kita bertungkus lumus memelihara perpaduan parti untuk berhadapan dengan pilihanraya," katanya.

Beliau menasihatkan ahli-ahli parti yang masih mahu bertanding supaya memastikan kestabilan dipelihara dan lebih mengutamakan perpaduan parti dari kepentingan diri sendiri.

Menurutnya, UMNO ditubuhkan bukan untuk berpecah ketika memilih pemimpin tetapi adalah bagi memastikan parti ini ter-

us menjadi **tunggak** kuasa pemerintahan negara.

Perdana Menteri tidak mahu ahli-ahli UMNO sentiasa menunggu masa untuk berlawan sesama sendiri dalam setiap pemilihan sehingga membelakangkan faktor terpenting, iaitu kekuatan parti.

"Saya berharap apabila UMNO dipulihkan, biarlah ia merangkumi semua peringkat. Walaupun sudah pulih sepenuhnya, arnalan yang boleh membawa kepada 'penyakit lama' harus dielakkan," katanya disambut dengan tepukan bergemuruh dari para perwakilan.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan ahli-ahli UMNO mengelakkan penyakit lama ini yang boleh menggugat perpaduan parti lebih-lebih lagi dalam menghadapi pilihanraya umum.

"Kalau kita tahu penyakit yang membunuh dan membawa

perpecahan kepada UMNO ialah **pertandingan** yang hebat, kita harus **mengelakkan**nya demi kepentingan parti," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu, pemilihan April 1987, adalah kemuncak kepada **penyakit yang menular di kalangan** ahli-ahli UMNO kerana rarnai yang bertanding mel*ukannya untuk kepentingan kelompok masing-masing, tanpa memikirkan perpaduan parti.

"Adakah pertandingan untuk merobah pimpinan sama ada di peringkat cawangan, bahagian atau pusat begitu penting sehingga soal perpaduan parti dan menjamin kuasa Melayu di negara ini diketepikan?"

Waktu ini, tambah beliau, UMNO mahu ketenangan kerana perjuangan untuk menjamin kedudukan bangsa Melayu supaya mampu bersaing **tanpa**

bantuan kerajaan masih jauh.

Menurut beliau, yang utama waktu itu ialah untuk **menentukan** kekuatan parti yang sedang dalam proses pemulihan dan bukannya untuk menjadi ketua cawangan atau bahagian.

Beliau memberitahu, pemimpin-pemimpin dalam Majlis Tertinggi parti telah membuktikan mereka **bersatu hati** untuk **menentukan** kekuatan parti dan contoh ini harus diiuti oleh ahli-ahli di peringkat bawahan.

Di Pulau Pinang: Datuk Sri Dr. Mahathir juga menggesa anggota UMNO mengelakkan perkara yang boleh merugikan parti dan sebaliknya menumpukan perhatian kepada usaha perpaduan, terutama

menjelang pilihanraya.

Perdana Menteei berkata bahawa anggota UMNO, antara lain, perlu mengelakkan pertandingan pada persidangan perwakilan agar parti terus teguh dan bersatu, kerana mungkin tidak lama lagi akan diadakan pilihanraya.

Datuk Sri Dr. Mahathir, yang juga Presiden UMNO, berkata demikian semasa merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO bahagian Balik Pulau, di sini hari ini.

Mengenai kumpulan serpihan, beliau berkata, mereka sebenarnya hanya berjuang untuk memastikan agar UMNO tewas dan parti pembangkang lain terutama PAS dan DAP memenangi pilihanraya, satu tindakan yang menurutnya akan merugikan bangsa.